

DITERIMA  
04 SEP  
U...



**Pandelela (dua dari kanan) menerima replika kunci** daripada Douglas di Dewan Suarah Kuching, semalam.

# Pandelela dapat kondominium

BH  
419116  
MLS 7

➔ Pusat Akuatik Petra Jaya turut ditukar nama kepada Pusat Akuatik Pandelela Rinong sebagai menghargai kejayaannya

jayaannya meraih pingat perak dalam acara terjun 10 meter platform wanita bersama pasangannya, Cheong Jun Hoong pada Sukan Olimpik Rio 2016.

Pandelela turut menerima 'durian runtuh' apabila syarikat pemaju perumahan, Tenaga Stabil Sdn Bhd menghadiahkannya sebuah kondominium berharga RM750,000 dan sebuah syarikat swasta, Techninier Sdn Bhd memberi insentif RM100,000.

### Bersyukur dihargai

Jumlah itu tidak termasuk imbuhan RM350,000 daripada Kerajaan Persekutuan, kereta Suprima S 1.6L Turbo Premium bernilai RM79,900 yang dihadaiahkan DRB-HICOM Bhd (DRB-HICOM) menerusi anak syarikat milik penuhnya, Proton Holdings Bhd (PROTON).

Sofa Urut UDivas Klasik berharga RM7,988 daripada OSIM (M) Sdn Bhd dan penerbangan percuma ke semua destinasi selama 5 tahun oleh Air Asia, menjadikan keseluruhan insentif yang diterimanya mencecah hampir RM2 juta.

Insentif dan hadiah kondominium itu disampaikan Timbalan Ketua Menteri, Datuk Amar Douglas Uggah Embas yang mewakili Ketua Menteri, Tan Sri Adenan Satem pada Majlis Sepetang Bersama Pandelela Rinong di Dewan Suarah Kuching, di sini, semalam.

Pandelela, 23, ketika ditemui berkata dia bersyukur dengan penghargaan diterima, malah tidak pernah menyangka menerima 'durian runtuh' berkenaan.

"Ini hadiah terbaik pernah saya terima sepanjang hayat, malah ingin saya kongsi bersama ibu bapa dan adik beradik saya yang banyak berkorban dalam mendokong karier saya sebagai atlet terjun negara," katanya.

Terdahulu, atas persetujuan Adenan dan Kabinet Sarawak, Uggah turut mengumumkan Pusat Akuatik Petra Jaya yang dibina sempena Sukan Malaysia (SUKMA) ke-18 Sarawak ditukar namanya kepada Pusat Akuatik Pandelela Rinong sebagai menghargai kecemerlangan atlet berkenaan.

**Info**

### Ganjaran diterima Pandelela

- RM150,000** insentif dari SHAKAM (RM300,000 kongsi dua)
- RM200,000** imbuhan tambahan kerajaan
- RM79,900** kereta Suprima S 1.6L Turbo Premium
- RM7,988** Sofa Urut UDivas Klasik
- RM500,000** insentif dari Kerajaan Sarawak
- RM100,000** imbuhan dari Techninier Sdn Bhd
- RM750,000** kondominium hadiah Tenaga Stabil Sdn Bhd

**Oleh Rudi Affendi Khalik**  
bhsukan@bh.com.my

### Kuching

**K**erajaan Sarawak menyumbangkan insentif berjumlah RM500,000 kepada ratu terjun negara, Pandelela Rinong kerana ke-